

Sekolah-sekolah UK di Kedudukan Terakhir dalam Penyediaan Pendidikan Kesihatan Mulut, Menurut Tinjauan FDI terhadap 13 Negara

GENEVA, 20 Mac 2019 /PRNewswire/ -- Hari ini, sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia (WOHD), Persekutuan Pergigian Dunia FDI mengeluarkan keputusan tinjauan daripada 13 negara, yang menyolo selidik golongan ibu bapa yang mempunyai anak-anak berusia 5–16 tahun sekiranya sekolah anak mereka menyediakan pengajaran tentang penjagaan mulut yang baik. Kesihatan mulut yang tidak baik boleh memberi pengaruh negatif kepada perkembangan mulut anak-anak berkembang dan membawa kepada kehilangan lebih 50 juta jam waktu persekolahan setiap tahun¹. Ia juga boleh mempengaruhi tahap keyakinan anak, kemahiran sosial serta potensi dalam mencapai kejayaan di kemudian hari. Dengan itu, kesihatan mulut penting untuk kesihatan dan kesejahteraan umum kanak-kanak.

Untuk melihat Hebahana Berita Multimedia, sila klik: <https://www.multivu.com/players/uk/8512751-fdi-survey-uk-schools-last-in-oral-health/>

Tinjauan ini melaporkan bahawa sekolah-sekolah UK menduduki tempat terakhir dalam mempromosi kesihatan mulut yang baik. Apabila ditanyakan sekiranya sekolah anak mereka menyediakan pengajaran tentang kepentingan penjagaan mulut yang baik, hanya 29% ibu bapa dari UK yang bersetuju dengan kenyataan tersebut, yang jauh lebih rendah keputusannya berbanding 12 negara lain. Ini meletakkan UK di kedudukan paling bawah dalam senarai tersebut di belakang AS (53%), Australia (54%), Jerman (69%), China (77%), Arab Saudi (81%), Poland (84%), Maghribi dan Algeria (86%), Indonesia (87%), Brazil dan India (91%), serta Mexico (93%).

49% ibu bapa dari UK juga ‘tidak tahu’ berapa kerap sekolah anak mereka memberi pengajaran tentang penjagaan mulut yang baik, dengan ibu bapa dari Australia dan AS tidak begitu jauh keputusannya, masing-masing 35% dan 32%. Keputusan ini berbeza sama sekali dengan keputusan dari Jerman (19%), Arab Saudi (12%), Poland (10%), China, Indonesia dan Maghribi (9%), Algeria (6%), India (5%), Brazil (3%) dan Mexico (1%).

Presiden FDI Dr Kathryn Kell berkata, "Keputusan tinjauan ini menunjukkan bahawa bukan semua ibu bapa mengetahui sama ada anak-anak mereka menerima pendidikan kesihatan mulut di sekolah. Kita perlu merapatkan jurang pengetahuan ini, memandangkan penyakit mulut merupakan penyakit paling lazim berlaku di seluruh dunia dan menjelaskan 3.58 bilion orang; bersamaan dengan separuh daripada penduduk dunia. Lebih-lebih lagi, 486 juta orang kanak-kanak mengalami kerosakan gigi pada gigi kekal, yang boleh menyebabkan kehilangan gigi pramatang, kesakitan, gangguan tidur, masalah makan dan isu-isu kesihatan lain untuk anak-anak kecil." Beliau menekankan bahawa "Sekolah-sekolah perlu digalakkan untuk mengajar kanak-kanak tentang penjagaan mulut yang baik."

Berita baiknya ialah 71% ibu bapa di seluruh negara bersetuju agar sekolah-sekolah seharusnya mengajar kanak-kanak tentang penjagaan mulut yang baik manakala 51% turut mengakui bahawa ibu bapa memainkan peranan dalam pendidikan kesihatan mulut.

Pengerusi Pasukan Tugas WOHD Dr Edoardo Cavalle berkata, "Tabiat kesihatan mulut yang baik bermula sedari usia awal dan kita perlu menggalakkan anak-anak untuk memberus gigi mereka dua kali sehari menggunakan ubat gigi berfluorida dan membantu mereka mengelakkan makanan dan minuman dengan kadar gula yang tinggi. Kita juga perlu mengutamakan pemeriksaan gigi yang kerap. Berjuta-juta hari persekolahan dibazirkan setiap tahun kerana kesihatan mulut yang tidak baik, yang mempunyai pengaruh yang serius terhadap kebolehan anak untuk menunjukkan prestasi yang baik di sekolah. Ibu bapa dan guru bersama-sama perlu memainkan peranan penting dalam membantu mendidik anak-anak tentang kepentingan mengekalkan mulut dan gigi yang sihat, yang dapat menjamin kesihatan dan kesejahteraan umum generasi masa depan."

Lantaran daripada dapatan tinjauan dan bagi membantu para guru dan ibu bapa *Act On Mouth Health (Bertindak Demi Kesihatan Mulut)*, FDI membangunkan *Mouth Heroes (Wira Mulut)* untuk

sekolah-sekolah, iaitu sumber pengajaran multimedia yang menyediakan alatan untuk menyampaikan pengajaran yang menarik tentang kepentingan kesihatan mulut yang baik. Menyasarkan kanak-kanak berusia 5–9 tahun, *Mouth Heroes* menampilkan jurucakap mesra kanak-kanak yang dikenali sebagai 'Toothie', yang membawa kanak-kanak ke dalam satu perjalanan menarik bagi membangunkan kemahiran hidup berkaitan kesihatan. Dengan membantu guru-guru menyepakukan kesihatan mulut ke dalam pengajaran mereka, *Mouth Heroes* dapat membantu mendorong perubahan yang positif. Selain itu, terdapat banyak sumber yang disediakan melalui laman sesawang kempen WOHD bagi membantu ibu bapa mempelajari tentang amalan kesihatan mulut yang baik untuk anak-anak mereka.

Bahan media: www.worldoralhealthday.org/press

Latar Belakang Hari Kesihatan Mulut Sedunia

Disambut setiap tahun pada 20 Mac, Hari Kesihatan Mulut Sedunia (WOHD) dilancarkan oleh Persekutuan Pergigian Dunia FDI bagi meningkatkan kesedaran global tentang pencegahan serta kawalan penyakit-penyakit mulut. www.worldoralhealthday.org; #WOHD19 #SayAhh

Rakan-rakan Kongsi Global WOHD: Henry Schein, Philips Sonicare, Unilever; dan Penyokong-penyokong WOHD: 3M, Planmeca, Wrigley

Rujukan

1. Kwan SYL, Petersen PE, Pine CM, Borutta A. Health promoting schools: an opportunity for oral health promotion. *Bull World Health Org.* 2005;83:677–685. Tersedia di: <https://www.who.int/bulletin/volumes/83/9/677.pdf> [diakses pada 11 Mac 2019].

Latar Belakang Tinjauan

Semua angka, melainkan dinyatakan sebaliknya, adalah daripada YouGov Plc. Jumlah saiz sampel ialah 16,477 orang dewasa yang mana 4,367 orang ialah ibu bapa dengan anak-anak berusia 5-16. Kerja-kerja lapangan dijalankan antara 18 Februari – 4 Mac. Tinjauan ini dilakukan secara dalam talian. Angka-angka ini telah berwajaran dan mewakili semua individu dewasa (berusia lebih 18 tahun) di Australia, Brazil, Jerman, UK, AS, Mexico dan Poland serta berwajaran dan mewakili semua individu dewasa dalam talian (berusia lebih 18 tahun) di Algeria, China, India, Indonesia, Maghribi dan Arab Saudi.

HUBUNGI: Hubungan media: Charanjit Jagait, Pengarah Komunikasi & Advokasi FDI, cjagait@fdiworldental.org | Telefon bimbit: +41 79 796 76 13; Tel.: +41 22 560 81 48